

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN
BIN MOHD RAMLI [DUNGUN]**

SOALAN NO. 472

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status projek pembinaan Balai Bomba Dungun yang baru.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) merancang pembinaan sesebuah Balai Bomba dan Penyelamat mengikut keperluan risiko kebakaran secara strategik. Pada masa ini, JBPM tidak mempunyai perancangan untuk membina balai bomba baharu di kawasan Dungun kerana kawasan tersebut telah mendapat perlindungan kebakaran yang mencukupi dari Balai Bomba dan Penyelamat Dungun, Balai Bomba dan Penyelamat Paka serta Balai Bomba dan Penyelamat Al-Muktafi Billah Syah.

Sekian, terima kasih.